



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KPWKM GEMBLENG IDEA DAN PANDANGAN RAKAN STRATEGIK DALAM AGENDA PEMERKASAAN WANITA DAN PENGUKUHAN INSTITUSI KELUARGA

KUALA LUMPUR, 22 FEB – YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah merasmikan Sesi Libat Urus YB Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat bersama-sama dengan Rakan Strategik Wanita dan Keluarga pada hari ini selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Wanita dan Keluarga Negara di Royale Chulan Kuala Lumpur.

Mesyuarat Majlis Wanita dan Keluarga Negara (MWKN) ini merupakan mesyuarat pertama bagi tahun 2024 dan kedua sejak pembentukan MWKN pada tahun 2023. Mesyuarat MWKN kali ini akan melibatkan dua pembentangan Kertas Makluman iaitu Indeks Jurang Gender Malaysia (MGGI) 2022 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM); dan Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2024 oleh Jabatan Pembangunan Wanita, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

Sesi libat urus yang julung kali diadakan bersekali dengan mesyuarat MWKN ini adalah bagi memantapkan lagi halatuju dan sistem sokongan serta meningkatkan jaringan sinergi dengan pelbagai pihak dalam usaha memperkasakan wanita dan memperkukuh institusi keluarga. Kerjasama Kerajaan dengan rakan strategik wanita dan keluarga ini diharapkan dapat memaksimumkan perkongsian maklumat dan membina kapasiti selain turut meminimumkan pertindihan usaha antara kerajaan dengan badan bukan kerajaan. Selain itu, Kementerian turut berkongsi mengenai inisiatif yang telah dilaksanakan bagi memperkukuh institusi keluarga dan memperkasakan wanita semasa sesi libat urus ini.

Pelbagai inisiatif dilaksanakan sepanjang tahun 2023 untuk membantu kumpulan sasar Kementerian, khasnya dalam inisiatif memperkukuh institusi keluarga dan memperkasakan wanita. Dalam usaha mewujudkan persekitaran yang selamat kepada wanita, KPWKM telah melancarkan Garis Panduan Pelaksanaan Program Advokasi Antigangguan Seksual berkuat kuasa 28 Mac 2023. Sebanyak 65 program AAGS telah dilaksanakan pada tahun 2023 yang

melibatkan seramai 25,251 orang peserta dan seramai 3.5 juta orang turut mendapat pendedahan berkaitan dengan advokasi dan kesedaran berhubung dengan Antigangguan Seksual melalui pelbagai saluran media (tv, radio, akhbar dan media sosial). KPWKM juga telah menubuhkan Tribunal Antigangguan Seksual bagi menyediakan platform pengendalian aduan berkenaan gangguan seksual sebagai salah satu tebus rugi kepada mangsa.

Pada tahun 2023, Kerajaan meluluskan peruntukan untuk membangunkan Pusat Subfertiiliti Negara Pertama yang disasarkan untuk siap dibina dan beroperasi pada tahun 2028. Sepanjang tahun 2023 juga, seramai 77,644 wanita telah menjalani saringan awal kanser payudara dan serviks melalui Kempen Kesedaran Reproduksi Wanita (WeCaRe).

Antara rakan strategik yang hadir dalam sesi libat urus ini di pihak Kementerian dan Jabatan adalah Perbendaharaan Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Kementerian Sumber Asli Dan Kelestarian Alam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Sumber Manusia.

Manakala pihak NGO dan persatuan antaranya Malaysian Gas Assoc, Women of Will, Pertubuhan Amal Perubatan Ibnu Sina Malaysia (PAPISMA), Women Leadership Foundation, Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita (NCWO) Malaysia dan Women Leadership Foundation.

KPWKM menyasarkan lebih banyak lagi sesi libat urus akan diadakan bagi memastikan idea dan pandangan semua pihak berkepentingan dan mewakili kumpulan sasar diambilkira dalam proses penggubalan dasar, penetapan sasaran, perancangan program serta inisiatif dan seumpamanya.

Turut hadir dalam majlis ini ialah YBhg. Datuk Dr Maziah binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan YBrs. Encik Chua Choon Hwa, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta pegawai-pegawai kanan Kementerian.

####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
22 FEBRUARI 2024**